

Mahathir kesal usahawan tempatan tidak minat tempatkan kilang di Kertih

MAY 10 MAY 2002

KERTIH 9 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan sikap usahawan tempatan yang tidak berminat untuk menempatkan kemudahan pengeluaran barangan mereka di Kertih walaupun banyak pelabur asing yang telah berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, usahawan tempatan perlu mengambil kesempatan daripada pelbagai peluang yang ditawarkan oleh industri minyak dan gas di Kertih bagi memenuhi wawasan pembangunan kebangsaan.

“Usahawan tempatan harus tampil untuk memberi sokongan dan kepercayaan kepada peluang yang disediakan oleh industri petroleum dan petrokimia.

“Dengan semangat Persekutuan Malaysia, kerjasama seperti itu akan membolehkan negara meluaskan lagi rantaian nilai dari sumber minyak dan gas kita.

“Ini juga membolehkan kita mencapai pertumbuhan ekonomi baru dan menajanya usaha kita ke arah perindustrian,” katanya.

Perdana Menteri berka-

ta demikian ketika menyampaikan ucapan pada pelancaran Kompleks Industri Petroleum Petronas di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, industri kecil dan sederhana terutamanya kilang-kilang nistik perlu berada lebih dekat dengan Kertih bagi merebut insentif yang disediakan oleh kerajaan serta mengurangkan kos.

Katanya, peluang bagi usahawan untuk mengeksploitasi pembuatan petrokimia hiliran hanya terhad kepada ketiadaan minat dan halangan yang diletakkan oleh mereka sendiri.

Perdana Menteri pada sidang akhbar kemudian berkata, keadaan di Kertih tidak berubah seolah-olah tiada limpahan ekonomi berlaku sedangkan lebih RM70 bilion telah dilaburkan dalam industri minyak dan gas kawasan itu.

“Semua kampung, rumah dan restoran masih macam itu juga sedangkan kalau kita perhatikan bila kita buka Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan jalan raya ke sana, banyak projek perumahan dan bandar-bandar

baru tumbuh,” katanya. Dalam ucapannya, Perdana Menteri menambah, generasi muda juga tidak bersedia untuk mengorbankan cara hidup di bandar untuk bekerja di loji-loji bertaraf dunia di Kertih yang menggunakan teknologi canggih.

“Generasi muda lebih suka bekerja di bandar-bandar besar dan tidak meminati cara hidup kampung dan ia amat menyedihkan kerana mereka tidak menyedari bahawa pembangunan sekitar Kertih adalah sebahagian daripada rancangan menyeluruh pembangunan nasional.

“Saya harus tekankan bahawa nilai seperti itu lebih diperlukan hari ini sesuai dengan usaha kita untuk merealisasikan wawasan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020,” ujar Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, sikap enggan bekerja di kawasan kurang maju itu boleh menyebabkan negara diambil alih oleh orang asing seperti yang hampir berlaku satu masa dahulu.

“Dulu kita tidak sang-

gup bekerja sebab itu orang asing masuk untuk membuat pekerjaan yang kita tidak mahu dan sekarang mereka menjadi warga negara kita.

“Kalau kita tak sanggup juga, lama-lama penduduk kita akan terdiri daripada orang Indonesia, Filipina, Bangladesh, Thailand dan lain-lain,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat tidak mempunyai banyak pilihan kecuali mencari jalan untuk mempergunakan sepenuhnya peluang di peringkat tempatan mahupun global apabila persaingan ekonomi dan perdagangan bertambah sengit pada masa hadapan.

Malaysia harus meneruskan usaha mencari kelebihan untuk mengekalkan kedudukan di hadapan pesaing dan kerajaan bersama Petronas telah menyediakan asas yang kukuh bagi mengembangkan perniagaan.

“Bahan mentah, insentif pelaburan dan infrastruktur bertaraf dunia menunggu usahawan yang sedia untuk menahut cabaran dan risiko,” ujar Perdana Menteri.